

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sama ada rancangan untuk melombong pasir di kawasan hutan simpanan Ulu Muda telah diluluskan dan tindakan yang sedang diambil oleh Jabatan Perhutanan Kedah untuk memastikan bahawa pembalakan haram tidak berlaku di kawasan Ulu Muda.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Kedah melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) No.7(E) 48/2002 bertarikh 24 April 2002 telah meluluskan aktiviti melombong pasir kepada syarikat Bina Darulaman Sdn. Bhd. di Empangan Muda, Hutan Simpan Ulu Muda. Aktiviti melombong pasir ini adalah di bawah kawalan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG).

Pihak Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kedah mendapati tiada aktiviti pembalakan haram dikesan di kawasan Hutan Simpan Ulu Muda. Aktiviti pembalakan yang dijalankan adalah mematuhi peraturan dan undang-undang sedia ada yang masih berkuatkuasa selaras dengan keperluan Pensijilan Pengurusan Hutan.

Sekian, terima kasih.